

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : DATO' KAMARUL BAHARIN BIN ABBAS  
[TELOK KEMANG]**

**TARIKH : 17 MEI 2016 (SELASA)**

**SOALAN : 92**

**Dato' Kamarul Baharin Bin Abbas [Telok Kemang] minta MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA menyatakan :-**

- (a) Tumpuan Malaysia Digital Economy Corporation (MDEC) yang mempunyai matlamat membentuk *Sustainable Digital Economy* dengan Merakyatkan Ekonomi Digital melalui eRezeki dan eUsahawan; dan
- (b) Apakah kaedah-kaedah yang digunakan untuk mencapai keberkesanan inisiatif-inisiatif tersebut serta kejayaan yang telah dicapai.

**JAWAPAN:**

Merakyatkan Ekonomi Digital adalah merupakan salah satu komponen dan inisiatif utama dalam membangunkan ekonomi digital negara yang mampan. Dalam usaha merakyatkan ekonomi digital ini, Malaysia Digital Economy Corporation (MDEC) iaitu agensi di bawah Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia (KKMM) telah melaksanakan

program eRezeki dan eUsahawan yang bertujuan untuk meningkatkan pendapatan kumpulan sasaran termasuk golongan B40 melalui kaedah digital dan atas talian.

Melalui program eRezeki, MDEC memupuk serta mempromosi penggunaan teknologi digital dengan mengupayakan rakyat untuk meraih peluang-peluang ekonomi melalui platform *Crowdsourcing* yang dibangunkan. Peluang ekonomi digital ini termasuklah melakukan pekerjaan, tugas atau projek kecil yang disalurkan dari pasaran tempatan dan juga antarabangsa. Melalui kaedah digital ini, rakyat boleh mengakses pelbagai bentuk pekerjaan dan tugas yang ditawarkan berdasarkan kemahiran, pengetahuan dan juga kebolehan individu tersebut. Kaedah-kaedah yang dititik beratkan melalui program ini termasuk penekanan latihan pengendalian platform digital dan penjagaan kualiti kerja agar dapat berdaya saing di peringkat global.

Program eRezeki buat masa ini masih di peringkat permulaan dan pihak kerajaan sedang berusaha untuk memastikan para peserta yang mendaftar untuk program ini dilatih dan disaring dari segi kemampuan dan kelayakan. Sehingga kini, sebanyak 49,229 golongan B40 telah berdaftar dan sebanyak 25,587 telah dilatih.

Sehingga kini juga, sebanyak 33 Pusat dan Wakil eRezeki (10 Pusat dan 23 Wakil eRezeki pada 2015) telah beroperasi dan dalam memperluaskan perlaksanaan program eRezeki ini ke seluruh negara, sebanyak 33 lagi wakil eRezeki disasarkan untuk beroperasi pada 2016 (jumlah keseluruhan sebanyak 66).

MDEC akan memanfaatkan infrastruktur awam ICT sedia ada seperti di kolej-kolej komuniti, UTC dan sebagainya untuk dijadikan wakil-wakil eRezeki bagi melatih golongan sasaran.

Program eUsahawan dilaksanakan bertujuan untuk memberi ilmu dan tunjuk ajar yang akan membantu usahawan belia dan usahawan mikro dalam meningkatkan jualan melalui perantaraan digital. Program ini disampaikan dalam bentuk kursus yang dijalankan di pusat-pusat Institusi Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) awam yang terpilih di seluruh negara.

Kursus eUsahawan mengandungi topik-topik seperti *social media marketing*, *mobile commerce*, analisis data untuk memperbaiki keberkesanan pemasaran secara digital, bayaran di atas talian, pengiklanan digital dan juga keselamatan siber.

Kursus ini diajar oleh pensyarah-pensyarah TVET yang telah dilatih oleh MDEC dengan sokongan tokoh-tokoh perniagaan digital tempatan. Program ini disampaikan kepada golongan sasaran melalui institusi TVET, di mana ilmu keusahawanan digital diterapkan ke dalam kurikulum formal yang diajar kepada pelajar TVET. Modul ini juga disediakan oleh TVET sebagai kursus jangka pendek yang sesuai untuk usahawan mikro.

Setakat ini sebanyak 364 pusat TVET daripada 7 buah agensi TVET terbesar di negara iaitu Jabatan Pembangunan Politeknik, Jabatan Pembangunan Kolej Komuniti, Institut Kemahiran Mara, Institut Kemahiran Belia Negara, Institut Kemahiran Tinggi Belia Negara (IKTBN), Kolej Professional Mara dan Giatmara terlibat dalam program

ini. Sehingga kini juga lebih daripada 700 pensyarah telah dilatih untuk mengajar kursus ini.

Dari bulan Jun 2015 sehingga bulan Mac tahun ini, lebih daripada 7000 pelajar TVET dan usahawan telah mengikuti kursus eUsahawan. Sehingga kini juga lebih daripada 4000 daripada peserta kursus ini daripada telah berjaya menjana pendapatan tambahan keseluruhan sejumlah lebih dari RM5 juta.